



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA
DYMM TENGGU PERMAISURI SELANGOR BERKENAN
MENYEMPURNAKAN SIMPOSIUM FABRIK ASEAN 2025

KUALA LUMPUR, 9 Julai – Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Hajah Norashikin, Tengku Permaisuri Selangor hari ini berkenan mencemar duli menyempurnakan **Majlis Perasmian Simposium Fabrik ASEAN 2025** yang diadakan di **Auditorium Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia**. Simposium ini dianjurkan oleh **Jabatan Muzium Malaysia menerusi Muzium Tekstil Negara**.

Program keilmuan berprestij ini diadakan pada **9 hingga 10 Julai 2025** yang merupakan salah satu program di bawah tonggak sosio-budaya ASEAN bersempena Kepengerusian ASEAN. Simposium ini membawa tema utama “*Textile Sustainability: Tradition Towards Transformation*” yang memberi fokus kepada kelestarian tekstil dari perspektif tradisi, inovasi dan masa depan.

Dalam ucapan perasmiannya, **YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara** merakamkan penghargaan kepada Jabatan Muzium Malaysia atas kejayaan penganjuran simposium berkenaan serta menegaskan bahawa muzium memainkan peranan penting sebagai pemangkin pembelajaran, dialog dan penciptaan bersama dalam masyarakat.

Beliau turut menyeru agar kerjasama serantau dipertingkatkan melalui penyelidikan tekstil, pembangunan kapasiti, penjenamaan warisan serta pencalonan bersama produk budaya seperti **kejayaan negara bersama lima buah negara ASEAN** dalam mencalonkan kebaya sebagai warisan budaya tidak ketara di bawah UNESCO.

“Tekstil bukan sekadar hasil seni tetapi pembawa naratif peradaban, identiti dan hubungan antara komuniti. Dalam dunia yang serba moden, pemeliharaan tradisi mesti seiring dengan inovasi. Kita tidak hanya mahu tradisi kekal, kita mahu ia terus hidup secara

bermakna,” ujar beliau.

Seramai 300 orang peserta yang terdiri dari kalangan institusi permuziuman, ahli akademik, penyelidik, pelajar Institusi Pendidikan Tinggi (IPT), agensi kerajaan, NGO, profesional dan penggiat seni tekstil dari dalam dan luar negara menghadiri simposium ini manakala 12 orang pembentang terdiri daripada profesional, pakar akademik, pembuat dasar dan artisan dari seluruh negara ASEAN dijadualkan membentangkan hasil dapatan mereka sepanjang dua hari program. Pembentangan akan dikemudikan oleh empat orang moderator berpengalaman.

Simposium ini bukan sahaja memperkukuh diplomasi budaya ASEAN, malah menjadi pemangkin kepada wacana tekstil serantau yang inklusif dan berdaya tahan. Ia dijangka memberi impak jangka panjang dalam membina ekosistem ASEAN yang mampan; berakar pada warisan, berkembang melalui inovasi dan berpandangan ke hadapan.

Kementerian Perpaduan Negara

9 Julai 2025

KPN.100-9/1/16 (45)